

18 JUN 1996  
UMNO-Pemilihan  
CALON PEMILIHAN UMNO HARUS PATUH ARAHAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Semua anggota UMNO yang memegang jawatan dalam kerajaan pusat dan kerajaan negeri harus patuh kepada arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak menggunakan jentera kerajaan menjelang kempen pemilihan parti Oktober depan, kata Ketua Wanitanya Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu, mereka yang bertugas dalam kerajaan pusat dan kerajaan negeri seharusnya menumpukan perhatian kepada tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MICCI), beliau berkata ingatan Presiden UMNO itu adalah adil kerana bukan semua anggota yang bertanding mempunyai jentera dalam kerajaan.

Dr Mahathir memberi ingatan tegas itu dalam surat yang diedarkan kepada menteri besar, ketua menteri, menteri kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen minggu lepas.

Rafidah berkata walaupun mereka bertanding, anggota UMNO berkenaan perlu tetap menjalankan kerja dan melaksanakan program yang telah diatur.

"Oleh kerana larangan berkempen masih berjalan tidak wajar adanya kempen-kempen apatah lagi yang menggunakan jentera kerajaan," katanya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menyokong saranan Perdana Menteri dan berkata semua calon mesti mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi parti itu.

"Kita hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dan MT seperti yang telah dipersetujui bersama pada Perhimpunan Agung UMNO yang lalu," katanya ketika ditanya pada persidangan beritanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar Myanmar, Ohn Gyaw, di Wisma Putra hari ini.

Abdullah turut mengakui telah menerima surat berkenaan daripada Perdana menteri pada minggu lepas. -- BERNAMA

ROZ NMO